

17 JUN 2004

Abdullah-Umno

BAHAGIAN UMNO TIDAK BOLEH ELAK BUAT PENCALONAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata bahagian-bahagian Umno tidak boleh mengelak daripada membuat pencalonan untuk jawatan-jawatan yang dipertandingkan pada pemilihan parti September ini.

Pemangku Presiden Umno itu berkata mengikut perlembagaan parti, bahagian Umno yang bermesyuarat dari 8 hingga 22 Julai ini juga perlu mengemukakan pencalonan untuk semua tiga jawatan naib presiden dan 25 kerusi Majlis Tertinggi yang dipertandingkan.

"Setahu saya, bahagian tidak boleh mengelak daripada membuat pencalonan. Yang kedua, kalau pencalonan itu nak dibuat, ia mesti dibuat sepenuhnya. Misalnya kita ada tiga (jawatan) naib presiden, kita tak boleh hanya calonkan seorang. Kita kena calon untuk ketiga-tiganya.

"Itu dalam pengetahuan saya," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian antara DRB-Hicom Defence Technologies Sdn Bhd dan Agusta S.p.A dari Itali di sini untuk memasarkan helikopter Agusta di Malaysia dan rantau ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Najib Tun Razak, yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti, Selasa lepas yang membayangkan kemungkinan bahagian Pekan yang diterajunya dan Kepala Batas yang dipimpin Abdullah tidak mengemukakan senarai calon kerana bimbang ia boleh mempengaruhi para perwakilan pada perhimpunan agung parti nanti.

Najib juga dilaporkan sebagai berkata sesetengah pemimpin Umno mungkin tersinggung dengan pencalonan yang dibuat kerana ia boleh disalah anggap sebagai sokongan kepada calon tertentu.

Abdullah berkata pencalonan yang dibuat oleh kedua-dua bahagian berkenaan tidak semestinya menjadi petunjuk berhubung siapa yang harus memegang jawatan tertentu pada pemilihan nanti.

"Kita beri kebebasan kepada perwakilan kita. Untuk perwakilan Kepala Batas, saya tak pernah bangun buat usul atau cadangan siapakah yang

perlu
dipilih untuk jawatan tertentu. Saya tak pernah bagi `indication', "
katanya.

Semasa diberitahu bahawa pencalonan bagi jawatan Naib Presiden
yang
dibuat oleh bahagian Kepala Batas sudah pasti akan dilihat sebagai
satu
`restu', beliau berkata orang ramai mungkin akan melihat ia begitu.

"Mereka akan kata begitu. Kita tak boleh elak. Bagaimanapun,
yang akan
memutuskan nanti ialah perhimpunan agung Umno di mana ramai
perwakilan yang
akan mengundi, membuat keputusan," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Abdullah berkata beliau akan
mendapatkan
maklumat lanjut daripada Najib sendiri mengenai isu pengecualian
bahagian
Kepala batas dan Pekan daripada membuat pencalonan.

"Kalau boleh dikecualikan, mungkin itupun satu cara yang baik
juga.
Tapi saya kena tanya bahagian saya dulu. Mungkin bahagian beria-ia
nak
calon. Saya kena tanya juga," katanya.

Sementara itu, ditanya tentang cadangan bekas Perdana Menteri,
Tun Dr
Mahathir Mohamad hari ini supaya Kedah meminta Pulau Pinang mengkaji
semula
bayaran honararium RM10,000 setahun yang diberikan kepada kerajaan
Kedah,
Perdana Menteri berkata kerajaan Pulau Pinanglah yang perlu dirujuk
mengenai perkara itu.

"Saya tak tahu. Kena tanya kerajaan Pulau Pinanglah. Itu
pandangan Tun
Dr Mahathir," katanya.

Berucap pada satu majlis di Wisma Darul Aman di Alor Star malam
tadi,
Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata bahawa bayaran sebanyak itu
tidak
lagi bersesuaian dengan nilai sekarang kerana perjanjian pembayaran
itu
dibuat semasa penjajahan British, iaitu ketika Pulau Pinang dan
Seberang
Perai diambil mereka daripada Kedah.

Ditanya tentang tambahan peruntukan yang dilaporkan diminta
sesetengah
kementerian untuk melaksanakan program yang dirancang, Abdullah yang
juga
Menteri Kewangan berkata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk
Mustapa
Mohamed akan membentangkan kertas mengenai Rancangan Malaysia
Kelapan
berkaitan peruntukan yang masih ada dan cara pengagihannya.

Beliau berkata Jemaah Menteri kemudiannya boleh memberikan maklum balas terhadap apa yang dibentangkan, dan seterusnya membuat sebarang keputusan yang wajar mengenainya.

"Kita sedang dalam peringkat menguruskan kewangan kita secara berhemah, oleh sebab kita ada defisit. Jadi pengurusan kewangan mestilah berdisiplin, dan oleh itu kawalan tentang perbelanjaan kita adalah perlu.

"Tapi saya tahu ada kementerian yang memerlukan wang tambahan oleh sebab banyak lagi projek yang perlu dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

MAM AZH